

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH SAKO 2 BAGI NOVEL NASIONAL**  
**DI MAHKOTA II, HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR**  
**25 JANUARI 2002**

-----

Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izinNya saya dapat bersama dengan para hadirin semua untuk meraikan kejayaan para karyawan novel dalam majlis penyampaian Hadiah Sako 2 Bagi Novel Nasional pada petang yang berbahagia ini. Syabas dan tahniah kepada Kumpulan Utusan dan rakan penaja bersamanya, EON Berhad, di atas usaha menganjurkan sebuah sayembara sastera yang berprestij ini - "Hadiah Sako Bagi Novel Nasional".

2. Saya amat berbangga dan sukacita kerana dapat menyertai usaha murni ini untuk sama-sama meraikan para penulis yang berjaya pada petang ini. Syabas kepada mereka.

3. Saya difahamkan, Utusan menerusi anak syarikat milik penuhnya Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd telah menunjukkan sikap yang amat positif dalam memartabatkan kesusasteraan Melayu terutama dalam usahanya melahirkan penulis pelapis yang berwibawa. Usaha ini mencerminkan semangat besar Utusan dalam memperjuangkan seni kesusasteraan tanahair. Dengan penglibatan organisasi yang disegani seperti EON Berhad, saya pasti usaha ini akan beroleh ganjaran yang lebih besar pada masa hadapan.

4. Anugerah yang diwujudkan khas bagi memperingati Pak Sako, tokoh persuratan Melayu dan nasionalis yang tidak asing lagi ini, mengimbas sejarah perjuangan dan nasionalisme rakyat sebelum kemerdekaan. Perjuangan yang dicurahkan oleh Pak Sako dan rakan-rakannya seperti Rahim Kajai, A. Samad Ismail dan Usman Awang adalah tidak ternilai harganya kepada generasi hari ini. Pemikiran mereka secara tidak langsung telah membantu mendorong perkembangan fikiran rakyat ke arah negara kita untuk mencapai kemerdekaan. Mereka juga dianggap sebagai sebahagian daripada perjuang untuk mengisi kemerdekaan dan ramai sasterawan telah melanjutkan perjuangan tokoh-tokoh seperti yang telah saya sebut tadi untuk memberi makna kepada kemerdekaan.

5. Penulis-penulis muda harus mencontohi semangat Pak Sako dan rakan-rakannya di samping mengasah bakat yang sedia ada supaya karya yang dihasilkan tidak sahaja tinggi dari segi nilai sastera tetapi menyumbang ke arah integrasi antara kaum di negara kita. Disini, saya ingin mengingatkan saudara-saudari tentang penulisan Allahyarham Tongkat Waran yang mengambil kira realiti masyarakat berbilang kaum negara kita dalam penulisan beliau. Pemergian beliau adalah kehilangan besar kepada dunia persuratan Melayu. Tetapi jika penulis-penulis muda mengambil iktibar dari karya-karya Allahyarham, maka usaha kita terhadap membina satu bangsa Malaysia yang kukuh serta bersatu akan tercapai lebih cepat lagi. Insya Allah.

6. Mengambil contoh seperti apa yang saya sebutkan tadi, maka seharusnya karya-karya yang terpilih mengandungi intipati sosial yang positif dan mendorong ke arah kestabilan nasional. Kestabilan nasional bukanlah satu-satunya nikmat yang dapat diperolehi tanpa kita berusaha. Walaupun kita telah terima kestabilan sebagai satu

hak kita sebagai rakyat Malaysia, kita harus bersyukur setiap hari kepada Allah s.w.t. atas nikmat ini. Nikmat ini tidak menjadi dengan begitu sahaja. Kita boleh lihat dimana-mana sahaja didunia ini - - baik dinegara jiran atau di Eropah, Afrika, Latin Amerika, Amerika Syarikat - - dimana perbezaan kaum atau agama menjadi punca perang saudara, pembunuhan dan rusuhan.

7. Salah satu punca kebencian antara kaum adalah peranan yang dimainkan oleh penulis serta sasterawan. Ada yang menanam kebencian agama; ada yang menanamkan kebencian kaum; dan ada yang hanya ingin tabur fitnah untuk tujuan politik atau peribadi. Walaupun pada lazimnya kita di Malaysia terselamat dari perkara seperti ini, ianya tidak bermakna ia tidak berlaku. Ada juga yang cuba membangkitkan rasa benci antara kaum dan antara agama. Tetapi Alhamdulillah. Mereka tidak berjaya. Kita tidak boleh benarkan mereka berjaya. Oleh itu, kita terpaksa sentiasa berwaspada. Disinilah saya harap penulis-penulis muda memainkan peranan untuk mengambil kira realiti negara kita serta menghargai keamanan dan kestabilan yang kita nikmati dan terus memupuk semangat muhibbah ini melalui penulisan mereka. Penulis dan sasterawan mempunyai peranan dan tanggungjawab yang amat penting untuk menegakkan perpaduan rakyat. Mereka merupakan satu lagi faktor yang boleh mempengaruhi keadaan hubungan kaum di negara. Janganlah kita guna ketajaman pena kita untuk membakar perasaan kaum-kaum lain yang boleh menyebabkan ketegangan. Kita perlu ingat kestabilan dan keamanan yang kita kecapai selama ini bukannya dibina dengan mudah.

8. Kerajaan amat mengalu-alukan penglibatan badan- badan korporat dalam aktiviti-aktiviti sastera bagi menyokong agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam perkembangan bidang ini. Budaya khidmat kepada masyarakat di kalangan organisasi korporat bagi membiakkan perkembangan sastera Malaysia wajar dipupuk setelah banyak meraih keuntungan hasil daripada kestabilan ekonomi di bumi bertuah ini.

9. Saya percaya melalui galakan dan insentif yang setimpal dan berpatutan, para penulis akan terus terdorong untuk berkarya di samping menggalakkan kemunculan penulis-penulis baru. Dalam suasana yang begitu mencabar hari ini, golongan penulis seharusnya melihat keadaan persekitaran dari sudut pandangan yang positif dan mempunyai nilai-nilai murni kemanusiaan sejagat. Oleh itu, sasterawan tidak harus menggunakan kertas dan pena hanya untuk menyuarakan sikap atau pemikirannya sahaja tetapi ia harus juga berani untuk menerima perubahan yang sedang berlaku. Penulis mesti berani memberi tafsiran baru terhadap nilai-nilai lama yang kita rasa merugikan atau yang menghalang cita-cita masyarakat untuk maju dan berjaya.

10. Tidak dapat disangkal bahawa sastera itu mempunyai pengaruh yang kuat dalam membentuk jati diri dan identiti bangsa. Sastera jika dilihat dengan lebih halus, menyentuh aspek-aspek kerohanian dan pembentukan mental tidak seperti teknologi yang cenderung kepada pencapaian material dan fizikal semata-mata. Umpama mata pena itu lebih tajam daripada mata pedang, hasil sastera mampu membangun dan menjatuhkan sesuatu bangsa melalui penulisan yang bernas dan sinis.

11. Selain bertujuan memelihara khazanah sastera, golongan penulis dilihat sebagai pemerhati masyarakat atau pengkritik sosial kerana kecenderungan mereka menulis mengenai pelbagai persoalan yang berlaku dalam masyarakat. Saya faham golongan ini tidak suka dibelenggu dan disekat kebebasan mereka dalam berkarya. Kematangan mereka sering diukur sejauh mana seseorang penulis itu berjaya

mencerminkan pemikiran dan perasaan masyarakatnya. Justeru itu, apa sahaja yang kontroversi dan mempunyai kaitan dengan masyarakat, sudah pasti menarik untuk dijadikan bahan cerita.

12. Saya bersetuju bahawa para penulis tidak boleh terlalu dikongkong kebebasannya kerana ini boleh menjejaskan kreativiti mereka. Penulis-penulis di negara kita masih mempunyai banyak ruang untuk melahirkan apa sahaja pendapat dan persoalan yang mereka fikirkan sesuai untuk dijadikan bahan sastera masing-masing. Namun, saya berharap sesebuah karya itu janganlah sampai terlalu sinis dan boleh mencetuskan ketidakpuasan sesetengah pihak yang pada akhirnya menjejaskan kestabilan negara.

13. Penulis memikul tanggungjawab yang amat berat untuk mengekalkan keharmonian dan kestabilan negara. Kerajaan pada masa yang sama amat menghargai kritikan-kritikan yang membina kerana ini boleh dijadikan sebagai panduan untuk memperbaiki keadaan yang sedia ada. Saya berpendapat karya-karya seperti ini wajar diberi galakan asalkan ia berasas dan berniat baik untuk memajukan lagi masyarakat.

14. Saya ingin juga memberi pendapat tentang kecenderungan setengah-setengah penulis serta majalah dalam menghasilkan karya-karya yang berlandaskan khayalan dan mimpi-mimpi indah yang keterlaluan. Zaman seribu satu malam telah lama berlalu. Sebaliknya karyawan pada zaman ini perlu bersifat progresif dan dinamik untuk menajamkan minda masyarakat agar kita berani ke hadapan menghadapi dunia luar. Karya-karya perlulah berupaya menggerakkan pemikiran dan berzat kepada minda bukan hanya sekadar cerita dongeng semata-mata.

15. Para penulis juga pada masa yang sama harus menjadi perakam kepada sejarah bangsa mereka sendiri. Apa yang berlaku di persekitaran penulis hendaklah dirakam dan digarap sebaik-baik mungkin agar ia menjadi satu sejarah yang boleh dirujuk semula oleh generasi akan datang. Isu-isu sosial seperti keruntuhan akhlak, rusuhan, jenayah dan banyak lagi boleh dijadikan bahan sastera untuk dijadikan tauladan dan pengajaran kepada anak cucu kita supaya perkara yang sama tidak berulang lagi pada masa hadapan.

16. Di samping memansuhkan pemikiran yang sempit dan konservatif di dalam penulisan, karyawan muda perlulah memelihara pemikiran rakyat tempatan daripada pengaruh- pengaruh subversif pihak asing. Pandangan yang positif dengan mesej yang jelas dan tepat dapat membantu mereka menolak sebarang pengaruh anasir luar. Biarlah kita sendiri menangani masalah kita kerana orang lain mungkin tidak memahami permasalahan sebenar yang dihadapi.

17. Dari segi ini, saya menyarankan persatuan-persatuan penulis seperti Gapena dan Pena menganjurkan sebanyak mungkin kursus penulisan dan bengkel yang membincangkan pelbagai isu terkini dan program-program penulisan bertahap tinggi agar kita turut dikenali pada peringkat antarabangsa.

18. Saya percaya menerusi usaha yang bersungguh-sungguh dari penulis-penulis yang berpengalaman tidak memustahilkan harapan ini. Negara kita kaya dengan penulis-penulis yang kreatif dan berwibawa. Saya percaya dengan landasan yang betul dan galakan yang berterusan, saudara-saudari semua mampu menjadi penulis yang disegani bukan sahaja di rantau ini malah pada peringkat antarabangsa.

19. Saya menaruh harapan yang amat besar kepada para penulis kita untuk sama-sama berganding bahu dalam membangunkan negara. Sekalung tahniah kepada semua pemenang yang berjaya pada hari ini. Kepada Utusan dan EON, saya berharap kerjasama ini akan bertambah erat lagi pada masa hadapan dengan sumbangan yang lebih besar lagi daripada kedua-dua pihak.

20. Akhir kata, saya mengucapkan syabas sekali lagi kepada semua pemenang Hadiah Sako 2 Bagi Novel Nasional pada kali ini.

Terima kasih.